

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING**  
**[ BINTULU ]**  
**TARIKH : 30 OKTOBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

- a. adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap kilang pengusaha minyak masak tempatan memandangkan isu minyak kitar semula diguna untuk memproses minyak masak semakin hangat di luar negara; dan
- b. apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan jaminan kualiti keselamatan minyak masak di pasaran.

## **Tuan Yang DiPertua,**

Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan pemeriksaan ke atas premis pembungkusan semula (*repacker*) minyak masak yang dilesenkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mengenalpasti sama ada premis tersebut menjalankan aktiviti pemprosesan semula minyak masak terpakai. Syarikat *repacker* adalah syarikat yang diberi lesen oleh MPOB untuk membeli minyak masak yang telah diproses secara pukal bagi tujuan dibungkus untuk jualan. Hasil pemeriksaan yang telah dijalankan sejak tahun 2012 sehingga kini, sebanyak 234 premis *repacker* telah diperiksa dan tiada bukti premis-premis tersebut memproses atau membungkus minyak masak terpakai untuk kegunaan manusia serta tiada bukti berlaku aktiviti menambah minyak masak terpakai ke dalam minyak masak di premis-premis tersebut.

## **Tuan Yang DiPertua,**

KKM juga telah memeriksa secara rawak premis-premis makanan yang meliputi premis pemprosesan makanan dan *food service outlet* (termasuk di pasar malam dan pasar tani) untuk mengesan penggunaan minyak masak tidak berlabel. Tujuan mengesan penggunaan minyak masak tidak berlabel di dalam premis yang diperiksa adalah bagi mengenalpasti punca minyak masak tersebut menggunakan prinsip *traceability* dan seterusnya menjalankan pemeriksaan di premis yang mengeluarkan minyak masak berkenaan. Hasil pemeriksaan pada tahun 2012 sehingga kini ke atas 1,203 premis makanan mendapati semua

premis tersebut menggunakan minyak masak berlabel serta yang berpunca dari premis yang telah dilesenkan oleh MPOB.

**Tuan Yang DiPertua,**

Semua aktiviti pengimportan, pengilangan dan penjualan minyak masak terpakai yang diproses semula adalah tidak dibenarkan di bawah Akta Makanan 1983. Mana-mana orang yang didapati mengimport, mengilang dan menjual minyak masak terpakai yang diproses semula yang boleh memudaratkan kesihatan, tindakan akan diambil di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983 di mana jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 10 tahun atau kedua-duanya.

**Tuan Yang DiPertua,**

Dalam memastikan jaminan kualiti keselamatan minyak masak di pasaran, KKM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang turut bertanggungjawab dalam menangani isu minyak masak kitar semula ini iaitu MPOB dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi menangani isu ini secara menyeluruh.

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7353**

**SOALAN:**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian masih menggunakan "Offline Interpol Data System" yang lama serta bilakah Kementerian akan menaik taraf sistem tersebut kepada pangkalan data "Interpols Stolen & Lost Travel Documents (STLD)" bagi tujuan meningkatkan kawalan keselamatan penerbangan di Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses memuktamadkan draf perjanjian antara *International Criminal Police Organization* (INTERPOL) dengan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum dihantar ke Pejabat Peguam Negara untuk semakan dari segi perundangan. Sementara itu, Kementerian masih menggunakan "*Offline Interpol Data System*" bagi menyemak data pasport yang hilang dan dicuri.**